

27 APR 1999

Parlimen - peguam

KEKUATIRAN MENGENAI KEMASUKAN PEGUAM ASING TIDAK BERASAS

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Kekuatiran yang dilahirkan oleh para peguam tempatan mengenai masa depan mereka ekoran keputusan kerajaan membenarkan kemasukan peguam asing menjalankan khidmat guaman di negara ini adalah tidak berasas, persidangan Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali berkata peguam tempatan tidak perlu bimbang kerana menerusi penguatkuasaan Bahagian 11A Akta Profesion Undang-Undang 1976, peguam asing tidak dibenarkan menjalankan amalan kepeguaman secara sendiri atau menubuhkan firma guaman mereka sendiri.

Menjawab soalan Dr Tan Kee Wong (BN-Segambut) beliau berkata Bahagian 11A akta itu menetapkan bahawa Peguam Negara akan memastikan peguam asing hanya diberi perakuan kemasukan khas.

Beliau berkata perakuan itu hanya membolehkan peguam asing diambil bekerja dengan sesuatu firma guaman, menjadi rakan kongsi atau diambil bekerja sebagai perunding dengan firma guaman tempatan yang sedia ada.

Katanya permohonan perakuan kemasukan khas itu mesti dibuat melalui firma guaman yang berkenaan.

Jika peguam berkenaan diambil berkhidmat dengan kerajaan pusat, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Kementerian berkenaan, manakala bagi kerajaan negeri pula permohonan perlu dikemukakan melalui Peguam Besar atau Penasihat Undang-Undang negeri berkenaan, katanya.

Ibrahim menyangkal dakwaan sesetengah pihak kononnya kerajaan tidak berbincang terlebih dahulu dengan Majlis Peguam Malaysia sebelum membuat keputusan untuk menguatkuasakan Bahagian IIA Akta itu.

Beliau berkata perbincangan pernah diadakan antara Peguam Negara dengan bekas Pengerusi Majlis Peguam mengenai perkara itu dan Majlis Peguam telah menulis kepada Peguam Negara bagi melahirkan pandangannya.

Katanya pandangan Majlis Peguam itu telah dipertimbangkan oleh kerajaan, namun kerajaan tidak semestinya akur dengan pandangan itu dan menambah bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberikan kuasa menetapkan tarikh penguatkuasaan Bahagian IIA Akta itu.

Menjawab soalan tambahan M. Kulasegaran (DAP-Teluk Intan) mengenai rasional disebalik penguatkuasaan Bahagian IIA Akta itu hanya setelah lebih 20 tahun ianya diluluskan, Ibrahim Ali berkata ianya tidak dilaksanakan pada ketika itu kerana keadaan belum sesuai.

Beliau berkata tetapi kini keadaan telah berubah di mana khidmat kepakaran peguam asing diperlukan bagi perkara-perkara yang tiada kepakaran tempatan.

Selain itu, katanya kemasukan itu juga membolehkan firma guaman tempatan memperluas dan mempelbagaikan jenis khidmat yang diberikan.

Sebagai contoh menjalankan khidmat guaman kepada syarikat yang berurusan dengan mana-mana negara dalam Kesatuan Eropah, jelas beliau.

--BERNAMA

AKT WAT